

# **PENGARUH KEROHANIAN TERHADAP KEMAHIRAN GENERIK DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, TERENGGANU**

Siti Khatijah Said

Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu

[e\\_tiey835@yahoo.com](mailto:e_tiey835@yahoo.com)

## **Abstrak**

Aspek kerohanian dan kemahiran generik merupakan suatu elemen penting yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar sama ada bagi memenuhi keperluan ketika proses pembelajaran dan alam pekerjaan. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kerohanian dan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Selain itu, mengenalpasti perbezaan kerohanian dan kemahiran generik berdasarkan jantina, dan mengukur sama ada kerohanian mempengaruhi tahap kemahiran generik pelajar. Seramai 150 orang pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin sebagai responden melalui kaedah persampelan bertujuan. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah *spiritually multidimensional measure* yang dibina oleh Neff (2006) dan soal selidik kemahiran generik yang dibina oleh Adibah (2005). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kerohanian pelajar adalah tinggi dan tahap kemahiran generik pelajar juga adalah tinggi. Perbezaan kerohanian dan kemahiran generik berdasarkan jantina pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu  $p > 0.05$ . Di samping itu, dapatan juga menunjukkan aspek kerohanian adalah mempengaruhi tahap kemahiran generik pelajar. Oleh itu, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak tertentu bagi meningkatkan tahap kerohanian dan kemahiran generik dalam kalangan pelajar. Hal ini adalah kerana aspek kerohanian dan kemahiran generik amat diperlukan dalam pembelajaran dan untuk memenuhi kehendak pasaran semasa.

**Kata Kunci:** kerohanian, kemahiran generik

## **1.0 PENGENALAN**

Generasi hadapan merupakan aset Malaysia yang paling penting dalam usaha kerajaan merealisasikan kewujudan sebuah negara bangsa yang maju, cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang Wawasan 2020. Ini bermakna Wawasan 2020 bertujuan mewujudkan negara bermatlamat iaitu Malaysia akan menjadi negara maju dengan caranya yang tersendiri. Kemajuan yang sempurna tidak semata-mata diukur daripada segi pencapaian lahiriah atau fizikal. Malah ia meliputi lahirnya satu masyarakat yang sempurna dan lengkap daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Ia selari dengan teras Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu menghasilkan insan yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Oleh itu, kemahiran generik atau "*soft skills*" diperkenalkan bertujuan untuk mengembangkan bakat yang ada di dalam diri setiap pelajar supaya lahir sebagai insan yang seimbang daripada semua sudut.

Di samping itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi 2015-2025 (PPPM PT) juga dilancarkan pada tahun 2015 yang merupakan pelan pendidikan tinggi

yang dibangunkan oleh rakyat Malaysia, untuk rakyat Malaysia dan akan memacu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi. PPPM PT mengariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan pelajar, salah satu daripadanya adalah menghasilkan graduan *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* yang berkualiti. Oleh itu, politeknik sebagai salah satu institusi pengajian tinggi yang membekalkan tenaga TVET kepada industri perlu memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi permintaan. Graduan yang diinginkan oleh majikan pada masa kini ialah tenaga kerja yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran *employability*.

Sehubungan itu, bagi memastikan penerapan kemahiran generik dalam golongan pelajar dijadikan satu amalan, ia perlu dilihat kepada kerohanian pelajar. Ini menunjukkan bahawa aktiviti kerohanian dalam kalangan pelajar juga amat penting. Aspek ini tidak sepatutnya diabaikan dalam aktiviti pembelajaran terutama dalam kalangan pelajar Islam bagi menjamin kebergantungannya dengan Tuhan dalam usaha mencapai kejayaan. Menurut Mohammmad Shatar (2005), menyatakan bahawa pengukuhan kerohanian dan aspek-aspek kerohanian mampu menyumbang kepada pembelajaran berkesan. Manakala menurut Salleh dan Zuria (2009) individu yang mempunyai tahap kerohanian yang tinggi, akan lebih mudah menerima latihan fizikal, bertanggungjawab dan memiliki sokongan sosial dan perkembangan kerohanian yang baik. Justeru itu, bagi menghadapi persaingan di bidang pekerjaan mereka perlu menguasai kemahiran tertentu dan akhlak yang baik turut diperlukan dalam kerjaya mereka.

## **2.0 PERNYATAAN MASALAH**

Dalam era globalisasi yang serba maju dengan pertumbuhan ekonomi yang dijangkakan semakin berkembang menjadikan permintaan terhadap tenaga kerja akan terus meningkat dari semasa ke semasa. Pertambahan bilangan graduan di samping terhadnya peluang pekerjaan menyebabkan persaingan mendapatkan pekerjaan semakin sukar. Peningkatan jumlah pengangguran dalam kalangan graduan merupakan antara isu yang muncul akibat kurangnya penguasaan elemen kemahiran generik (Ahmad Esa et. al, 2013). Kerajaan mengakui terdapat pelbagai kemahiran (*multi skills*) lain yang diperlukan untuk melahirkan pelajar sekolah yang dapat berdaya saing pada peringkat seterusnya. Sumber manusia yang dikehendaki dalam dunia pekerjaan adalah mereka yang mempunyai kebolehan dan kepelbagaian kemahiran (*multi skills*) (Zainuddin et.al., 2006 dan Quek, 2005). Sekiranya pelajar tidak menguasai kemahiran-kemahiran tersebut mereka akan menghadapi masalah apabila berada dalam dunia pekerjaan kelak.

Berdasarkan Perangkaan Utama Tenaga Buruh Malaysia (2016) menunjukkan bahawa pada bulan Mei 2016 iaitu seramai 56,500 orang pertambahan penduduk yang menganggur, menjadikan jumlah penganggur seramai 504,800 orang dengan peningkatan 3.4 mata peratus. Bilangan penduduk yang menganggur meningkat, dengan kadar pengangguran 3.4 peratus. Perbandingan dengan bulan yang sama tahun sebelumnya mendapati kadar pengangguran meningkat 0.3 mata peratus daripada 3.1 peratus pada Mei 2015.

Bagi mengatasi masalah pengangguran pelajar perlu menguasai kemahiran generik. Antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar semasa mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi khususnya politeknik sebelum menceburkan diri dalam bidang pekerjaan ialah kemahiran komunikasi, bekerja dalam kumpulan, penyelesaian masalah, fleksibel dan mampu menyesuaikan diri, pembelajaran sepanjang hayat, keyakinan diri serta etika dan moral. Kemahiran-kemahiran ini perlu dikuasai kerana dapat membantu pelajar membuat persediaan sebelum menghadapi persekitaran pekerjaan. Sehubungan itu, Institusi Pengajian Tinggi termasuk politeknik perlu memainkan peranan yang penting untuk menerapkan

kemahiran generik dalam diri setiap pelajar. Oleh hal yang demikian, pelajar perlu diberi kesedaran tentang pentingnya kemahiran generik.

Sehubungan itu, penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar kurang menunjukkan keberkesannya. Kemahiran-kemahiran seperti sahsiah atau etika, dan penyelesaian masalah serta berfikir secara kritis juga kurang dikuasai oleh graduan. Oleh itu, bagi memastikan penerapan kemahiran generik dalam golongan pelajar dijadikan satu amalan, ia perlu dilihat kepada kerohanian pelajar di mana dalam kajian yang telah dibuat di luar Negara berkaitan dengan *spiritual* di tempat kerja hanya melibatkan sesetengah elemen kemahiran generik sahaja. Walaupun kajian ini telah dikaji, namun ia belum lagi dijalankan di Malaysia yang mana mungkin sampel, soal selidik dan tempat kajian adalah berbeza. Kajian ini melihat pengaruh kerohanian terhadap kemahiran generik pelajar. Ini kerana, negara memerlukan generasi yang berkemahiran generik dan kuat dari aspek mental dan jiwanya.

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- (a) Mengenalpasti tahap kerohanian dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- (b) Mengenalpasti tahap kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- (c) Mengenalpasti perbezaan kerohanian berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- (d) Mengenalpasti perbezaan kemahiran generik berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- (e) Menilai pengaruh kerohanian terhadap kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

### **4.0 PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian dibina agar kajian sebenar boleh menjawab persoalan kajian.

- (a) Sejauhmanakah tahap kerohanian dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin?
- (b) Sejauhmanakah tahap kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- (c) Adakah terdapat perbezaan kerohanian berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- (d) Adakah terdapat perbezaan kemahiran generik berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- (e) Adakah kerohanian mempengaruhi kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

## 5.0 SOROTAN LITERATUR

### 5.1 Konsep Kerohanian Dalam Kehidupan Manusia

Setiap manusia tidak dapat lari daripada kehidupan beragama. Manusia sejak dahulu sehingga ke hari kiamat perlu kepada agama dan kepercayaan. Ini kerana perasaan dan keinginan kepada agama itu merupakan satu fitrah atau tabiat semulajadi setiap manusia di dunia ini (Haron, 1993). Amalan kerohanian juga dikenali sebagai amalan spiritual. Kerohanian menurut al- Ghazali (2000) merujuk kepada empat elemen kerohanian manusia iaitu *ruh*, *al-qalb*, *al-aql* dan *al-nafs*. Ia menerangkan bahawa aspek kerohanian merupakan unsur maknawi yang terbentuk di dalam diri manusia. Aspek ini tidak sepatutnya diabaikan dalam setiap aktiviti kehidupan manusia lebih-lebih lagi dalam dunia pendidikan dan pembelajaran.

Bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berakhlak mulia, bermoral, berperibadi mulia dan berupaya mencapai kesejahteraan diri, seseorang itu mestilah mempunyai kekuatan sifat kerohanian dan nilai-nilai murni. Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga menerangkan bahawa seseorang yang ingin harmoni dan seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek mestilah berlandaskan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ini menunjukkan seseorang itu mestilah mempunyai agama yang wajib dianuti sebagai pegangan hidup. Oleh itu, dapatlah kita katakan bahawa kerohanian adalah penting kerana dengannya manusia akan berpegang kepada agama. Justeru agama akan mendidik diri kita supaya lebih yakin dan mempunyai pendirian yang kukuh dan merubah setiap manusia menjadi lebih baik (Shamsul Kamarudin, 2011).

Dari segi pengertian, aspek kerohanian menurut Imam Al-Ghazali, menyentuh persoalan dalaman dan kejiwaan manusia, yang berkait dengan unsur-unsur seperti nafsu, ruh, qalbu dan akal. Kerohanian yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah tertakluk kepada lima elemen kerohanian iaitu:

#### 5.1.1 Kepercayaan

Kepercayaan bermaksud satu anggapan atau akuan bahawa sesuatu itu adalah benar. Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhan-Nya berlandaskan pegangan agama masing-masing.

#### 5.1.2 Pemaaf

Pemaaf bermaksud perkara yang bermula akibat daripada kesan negatif dan penilaian terhadap kesalahan, bukan hanya menunjukkan diri sentiasa betul dan berusaha untuk memaafkan kesalahan dengan wujud perasaan kasihan, pemurah dan kasih sayang dengan harapan pesalah menyedari kesilapannya.

#### 5.1.3 Pemikiran positif

Menurut Morliyati (2010), pemikiran positif merangkumi berfikir tentang kuasa agama dalam kehidupan, tuhan sentiasa ada bersama, dan sentiasa memohon bantuan daripadaNYA.

#### 5.1.4 Nilai diri

Nilai diri boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang dikira baik seperti kasih sayang, baik hati, keseronokan, kejujuran, kesopanan, ketenangan dan kesederhanaan.

### **5.1.5 Aktiviti agama**

Menurut Morliyati (2010), aktiviti agama yang dimaksudkan adalah perkara yang dijalankan untuk menghambakan diri kepada Pencipta seperti beribadat kepada Tuhan dan menyertai aktiviti keagamaan.

Berbicara soal tingkah laku manusia ia sebenarnya mendorong dan mengurus kepada pembentukan dan penerapan nilai akhlak yang seharusnya ada pada diri seseorang iaitu ia merujuk kepada hubungan pelajar itu sendiri dengan Allah S.W.T.(Tuhan) dan hubungannya sesama makhluk. Elemen nilai ini boleh dirujuk secara langsung kepada hubungan manusia dengan Penciptanya dan hubungan manusia dengan makhluk yang lain (Al-Ghazali, 2002). Nilai yang baik mampu menghasilkan individu yang baik dari aspek pemikiran seterusnya diterjemahkan kepada bentuk tingkahlaku dan perwatakan. Individu yang baik pula dilihat berupaya menghasilkan masyarakat yang baik dan akhirnya mampu mewujudkan sebuah negara yang baik dan sejahtera (Saedah Siraj et.al, 2016). Hal ini dipertegaskan Abdul Salam (2010) bahawa nilai moral dan akhlak perlu diberikan keutamaan dan digarapkan ke dalam semua disiplin ilmu agar mampu melahirkan masyarakat yang ada nilai tambah dalam kehidupannya. Ini menunjukkan bahawa sistem nilai haruslah diperteguhkan ke dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Para penyelidik Barat turut memperakui kepentingan kajian kerohanian. Kajian oleh Revel (2008) di Baston dan Chicago membuktikan bahawa terdapat keperluan untuk menerapkan nilai kerohanian dalam pembelajaran di sekolah sebagai salah satu tindakan membendung gejala negatif kesan dari proses kemajuan dan pemodenanan masyarakat. Di samping itu, menurut Yusof Al-Qardawi (1999) menyebut krisis besar yang kita hadapi ialah krisis spiritual, moral, keimanan dan akhlak. Tidak mustahil bahawa krisis ini akan mengarah kepada ekonomi, politik, pengurusan serta sains dan teknologi. Krisis ini terjadi kerana matinya roh keimanan dan akhlak.

## **5.2 Kemahiran Generik Menjamin Pelajar Berkualiti**

Kementerian Pengajian Tinggi (2006) telah mendefinisikan kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan.

Kemahiran generik perlu ada dalam diri seseorang individu bagi menjadikannya modal insan yang cemerlang berasaskan pengetahuan, meningkatkan produktiviti dan sikap berdaya saing (Mohd Hasril, Noorazman dan Norasmah, 2015). Kemahiran ini bukan sekadar menekankan seseorang graduan perlu memenuhi keperluan kemahiran dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan malah ianya merupakan elemen yang penting yang perlu diterapkan kepada pelajar yang berada di institusi pendidikan (Wong, Rosnidar dan Syakirah, 2015).

Terdapat pelbagai elemen kemahiran generik yang digariskan oleh sesebuah organisasi. Kemahiran generik yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah tertakluk kepada tujuh elemen kemahiran generik yang digariskan oleh Universiti Teknologi Malaysia. Elemennya terdiri daripada kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja secara kumpulan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran fleksibel dan mampu menyesuaikan diri, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran keyakinan diri dan kemahiran beretika dan moral. Berikut merupakan elemen kemahiran generik yang digunakan dalam kajian ini.

### **5.2.1 *Kemahiran komunikasi***

Kemahiran komunikasi ini penting kepada graduan kerana ia merupakan antara keperluan kemahiran yang diperlukan oleh pihak majikan. Dalam kajian ini, kemahiran berkomunikasi adalah melibatkan komunikasi yang berkesan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks yang berlainan dengan peserta komunikasi yang berlainan. Proses komunikasi dapat berlaku pada bila-bila masa dan tidak dapat dielakkan oleh mana-mana individu. (Hashim, 2001 & Zaiton, 2003).

### **5.2.2 *Kemahiran bekerja secara kumpulan***

Manusia tidak mampu melakukan semua pekerjaan pada satu masa. Mereka memerlukan bantuan orang lain dalam menjayakan sesuatu pekerjaan. Oleh itu, kumpulan kerja yang kukuh penting berasaskan matlamat yang dipersetujui bersama. Bekerja secara kumpulan sewajarnya wujud persefahaman antara para anggota, saling membantu, memberikan tunjuk ajar, dan saling menghormati antara satu sama lain.

### **5.2.3 *Kemahiran menyelesaikan masalah***

Kemahiran menyelesaikan masalah merupakan kebolehan seseorang untuk menggunakan proses-proses menyelesaikan masalah, mengenalpasti masalah dan peluang, menganalisis aspek utama dalam masalah yang diberikan dan mengimplementasikan strategi untuk mencari penyelesaiannya. Seseorang individu perlu berupaya untuk mengaplikasikan strategi-strategi penyelesaian masalah mengikut situasi yang berlaku. Penilaian perlu dibuat ke atas setiap tindakan yang diambil proses penyelesaian masalah (Abdul Rasid et al, 2010).

### **5.2.4 *Kemahiran menjadi fleksibel***

Fleksibel juga sering disebut sebagai penyesuaian. Fleksibel juga merupakan satu proses yang mudah berubah seperti sikap, keputusan dan lain-lain mengikut keadaan baru. Kemahiran fleksibel sering dikaitkan dengan kesanggupan dan juga kesediaan seseorang individu untuk menyesuaikan diri dan dilatih dengan tugas dan kemahiran dalam apa jua keadaan dan teknologi (Oliver, Omari & Mc Loughlin, 1999).

### **5.2.5 *Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat***

Pembelajaran sepanjang hayat ini membolehkan seseorang cintakan ilmu, sentiasa mengaplikasikan teori pembelajaran dalam kehidupan mereka, sentiasa mempelajari sesuatu yang baru dan boleh melihat sesuatu peristiwa sebagai satu pembelajaran (Bligh, 2000).

### **5.2.6 *Kemahiran keyakinan diri***

Ramai para akademik telah melihat bahawa pelajar yang tidak mempunyai keyakinan diri yang tinggi biasanya tidak mempunyai kehendak dan kurang mengarahkan diri untuk mencapai potensi diri sepenuhnya dan cuba mencapai kecemerlangan dalam akademik (Yahya & Muhamad Shahabudin, 2010).

### **5.2.7 *Kemahiran beretika dan moral***

Nilai etika dan moral merupakan satu nilai yang dilihat dari sudut akhlak, adat atau tingkahlaku yang menjadi pegangan hidup seseorang individu. Kemahiran generik dalam

aspek ini penting bagi melahirkan satu masyarakat yang berilmu melalui proses pembentukan moral dan etika yang baik dan terpuji (Norzailawati et.al, 2008).

Oleh itu, kemahiran generik perlu diamalkan dalam pembelajaran bagi melahirkan pelajar yang berkualiti. Sehubungan itu, penerapan elemen kemahiran generik dalam kurikulum program kejuruteraan adalah bertepatan dengan teras ketiga dan keempat hala tuju transformasi politeknik untuk memperkasakan warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi serta membina imej bereputasi tinggi dan budaya kerja cemerlang (Ahmad Esa et.al, 2013). Politeknik merupakan antara medium kerajaan dalam menyediakan program pendidikan dan latihan yang sempurna untuk melahirkan graduan yang berilmu dan berkemahiran luas serta mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi (Yasin, 2010).

### **5.3 Pengaruh Kerohanian Terhadap Kemahiran Generik Pelajar**

Catherine Joseph dan Sree Sailakshmi (2011), menjalankan kajian yang bertajuk *Spiritual Intelligence at Work*. Kajian ini lebih menekankan kepada pekerja. Kajian ini bertujuan untuk memberi penekanan kepada kepentingan kecerdasan spiritual, komitmen kepada kebenaran dan kebijaksanaan utama di tempat kerja. Di samping itu juga, kajian ini menunjukkan bagaimana dengan peningkatan kecerdasan kerohanian boleh membangunkan kemahiran seperti hubungan intrapersonal dan interpersonal, penyelesaian masalah, matlamat, motivasi, komitmen, tanggungjawab, kesedaran diri, semangat berpasukan, pengurusan stress, pengurusan masa, kepimpinan dan transformasi yang perlu untuk kerja-kerja dan berjaya di tempat kerja. Hasil dapatan menunjukkan kerohanian adalah penggunaan yang sesuai memudahkan penyelesaian masalah setiap hari. Di samping itu, kecerdasan rohani membangunkan potensi dan membantu dalam kesejahteraan pekerja dan setiap pekerja mempunyai kemahiran yang unik, kebolehan dan kecekapan yang merupakan sumber manusia yang paling berharga.

Pelajar merupakan generasi muda yang amat diharapkan pada suatu hari nanti untuk memimpin negara dan merupakan aset penting kepada perubahan masyarakat dan pembangunan negara. Dalam konteks pembangunan sahsiah pelajar menerusi kemahiran generik, setiap individu perlu mengiltizamkan diri terlebih dahulu dengan budi pekerti yang luhur, kemudian merealisasikan pula kepada orang lain supaya mampu membentuk generasi akan datang sebagai kekuatan ummah sejagat. Perubahan akhlak seseorang sama ada ke arah akhlak terpuji atau sebaliknya menjadi akhlak tercela adalah berkait rapat dengan aspek didikan, pengajaran, pergaulan dan latihan. Nilai-nilai inilah dapat dilihat dari pencernaan elemen kemahiran generik di IPT agar pembentukan sahsiah pelajar yang berkualiti dapat direalisasikan (Rashidi Abbas, 2008).

Secara keseluruhannya, penguasaan terhadap kerohanian dan kemahiran generik adalah amat penting bagi seseorang pelajar yang bergelar mahasiswa. Pada hari ini, pencapaian akademik yang tinggi sahaja tidak mencukupi untuk para graduan diterima terus ke pasaran kerja. Kemahiran generik merupakan kemahiran tambahan yang perlu dikuasai oleh pelajar sebelum menceburkan diri dalam sektor pekerjaan yang semakin mencabar. Sehubungan itu, kerohanian perlu diamalkan untuk memastikan keseimbangan dari segi emosi, jasmani, intelek, dan sosial bagi menjamin penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar.

## **6.0 METODOLOGI KAJIAN**

### **6.1 Kaedah Kajian**

Kajian tentang pengaruh kerohanian dan kemahiran generik pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin merupakan satu kajian berbentuk tinjauan. Kajian tinjauan (*survey*) merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular yang digunakan dalam pelbagai bidang. Kajian ini adalah mewakili semua kaedah kajian yang dilakukan untuk mengumpul data secara terus daripada sekumpulan subjek. Kajian tinjauan pada kebiasaannya dilakukan dengan cara menemubual subjek kajian atau memberi soal selidik kepada subjek kajian untuk dijawab (Chua, 2006). Pengkaji menggunakan soal selidik dengan mengedarkan borang soal selidik kepada sampel yang dikehendaki.

### **6.2 Sampel Kajian**

Populasi ialah semua kes atau subjek yang kita berminat untuk mengkajinya. Populasi yang dimaksudkan ialah pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Manakala, sampel pula ialah cabutan kes atau subjek daripada sesuatu populasi (Sidek Mohd.Noah, 2002). Sampel kajian yang dipilih ini terdiri daripada pelajar tahun akhir daripada Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik menentukan jumlah sampel yang akan digunakan melalui kaedah persampelan bertujuan.

### **6.3 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan soal selidik iaitu sebagai alat untuk mendapatkan maklum balas dan pengumpulan data. Menurut Mohd Majid Konting (2004), ia dapat membantu mempertingkatkan ketepatan dan kebenaran yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh penyelidik. Oleh itu, penyelidik telah menggunakan soal selidik kerohanian iaitu *Spiritually Multidimensional Measure* yang dibina oleh James Alan Neff (2006) yang telah diubahsuai oleh Morliyati Mohammad (2010). Manakala bagi soal selidik kemahiran generik pula dibina oleh Adibah Abdul Latif (2005). Terdapat 19 item bahagian kerohanian dan 40 item bahagian kemahiran generik.

### **6.4 Kajian Rintis**

Kajian rintis adalah kajian yang dijalankan sebelum kajian sebenar dilakukan. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengukur tahap kebolehpercayaan item-item soal selidik. Kaedah pengujian kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah *alpha Cronbach*. Kajian rintis ini dijalankan ke atas 30 orang responden yang dipilih secara rawak. Responden adalah terdiri daripada pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Hasil dapatan daripada kajian rintis ini digunakan untuk mendapatkan hasil dapatan kepada kajian sebenar. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003), kebolehpercayaan yang tinggi apabila indeks kebolehpercayaan melebihi .80.

## **7.0 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN.**

### **7.1 Analisis Penerokaan Data**

Kaedah penganalisan data adalah menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 21.0 bagi melihat frekuensi, peratusan bagi demografi responden. Manakala min



dan sisihan piawai bagi tahap kerohanian dan tahap kemahiran generik. Ujian-t juga digunakan bagi melihat perbezaan kerohanian dan kemahiran generik berdasarkan jantina. Bagi menjawab persoalan kajian iaitu pengaruh kerohanian terhadap kemahiran generik pelajar penyelidik menggunakan analisis inferensi. Ujian normaliti menunjukkan bahawa data berada dalam keadaan normal di mana kaedah yang paling sederhana digunakan adalah dengan merujuk nilai Statistik Skewness dan Statistik Kurtosis. Nilai yang dicadangkan oleh pengkaji sebelum ini iaitu -2 hingga +2 (Chua, 2009) dan nilai statistik S-K iaitu semakin mendekati 0 (nol) (Pallant, 2007) menunjukkan data bertaburan normal.

## **7.2 Analisis Deskriptif**

Analisis deskriptif telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat demografi responden, tahap kerohanian dan tahap kemahiran generik. Analisis demografi dijalankan hanya untuk melihat peratusan responden di politeknik tersebut berdasarkan aspek yang dibincangkan.

### **7.2.1 Demografi Responden**

Berdasarkan dapatan kajian didapati bahawa seramai 95 orang (63.3%) merupakan responden lelaki manakala 55 orang (36.7%) merupakan responden perempuan.

Responden yang terlibat dalam kajian ini secara majoriti berusia 19-20 tahun iaitu seramai 116 orang (77.3%). Kumpulan kedua tertinggi pula adalah responden berusia 21-22 iaitu 30 orang (20%) diikuti responden berusia 23-24 iaitu 4 orang (2.7%).

Majoriti responden terdiri daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal iaitu seramai 48 orang (32%). Manakala daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik seramai 39 orang (26%), Jabatan Kejuruteraan Awam seramai 34 orang (22.7%) serta yang terendah daripada Jabatan Kejuruteraan Teknologi Maklumat dan Komunikasi iaitu seramai 29 orang (19.3%).

Berdasarkan dapatan juga majoriti responden memperolehi CGPA antara 2.51 hingga 3.00 iaitu seramai 74 orang (49.3%). Dapatan kedua tertinggi adalah antara 3.01 hingga 3.50 iaitu seramai 43 orang (28.7%) dan diikuti oleh 2.01 hingga 2.50 iaitu seramai 33 orang (22%).

### **7.2.2 Tahap Kerohanian Pelajar**

Berdasarkan tahap min bagi kerohanian terbahagi kepada tiga iaitu rendah (1.00–2.33), tahap sederhana (2.34-3.67) dan tinggi (3.68-5.00). Terdapat lima komponen dalam instrumen kerohanian iaitu kepercayaan, pemaaf, pemikiran positif, nilai diri dan aktiviti agama. Komponen yang menunjukkan nilai min yang tertinggi adalah kepercayaan dengan nilai Min=4.75, Sisihan Piawai= 0.243, seterusnya pemikiran positif Min =4.73, Sisihan Piawai =0.329, diikuti dengan pemaaf nilai Min =4.54, Sisihan Piawai = 0.443, seterusnya aktiviti agama Min =3.98, Sisihan Piawai = 0.649 dan nilai min yang paling rendah adalah nilai diri Min =3.91, Sisihan Piawai = 0.728. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa majoriti pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin memiliki tahap kerohanian pada tahap tinggi.

### **7.2.3 Tahap Kemahiran Generik Pelajar**

Tahap kemahiran generik juga mempunyai 3 tahap min iaitu tahap rendah (1.00-2.33), tahap sederhana (2.34-3.67) dan tahap tinggi (3.68-5.00). Terdapat tujuh komponen dalam instrumen kemahiran generik iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran menjadi fleksibel, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran berkeyakinan diri dan kemahiran etika dan moral. Komponen yang menunjukkan nilai min yang tertinggi adalah kemahiran keyakinan diri

dengan nilai Min =4.31, Sisihan Piawai =0.530, seterusnya kemahiran bekerja dalam kumpulan Min =4.27, Sisihan Piawai =0.533, diikuti dengan kemahiran beretika dan moral nilai Min =4.25, Sisihan Piawai =0.535, seterusnya kemahiran pembelajaran sepanjang hayat Min =4.24, Sisihan Piawai =0.452, kemahiran komunikasi Min =4.23, Sisihan Piawai =0.377, diikuti kemahiran menjadi fleksibel Min =4.18, Sisihan Piawai =0.479, dan nilai min yang paling rendah adalah kemahiran menyelesaikan masalah Min =4.09, Sisihan Piawai =0.535. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa semua responden dalam kalangan pelajar tahun akhir di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin mempunyai tahap kemahiran generik yang tinggi.

### **7.3 Analisis Inferensi**

Analisis inferensi telah dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan. Dalam kajian ini, penyelidik telah menguji dua pembolehubah iaitu kerohanian dan kemahiran generik. Ujian-t dilakukan untuk melihat perbezaan pembolehubah dengan jantina. Pengujian untuk melihat pengaruh kerohanian terhadap kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin di lakukan dengan menggunakan regresi.

#### **7.3.1 Pengujian hipotesis pertama**

**Ho<sub>1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kerohanian berdasarkan jantina**

Min kerohanian bagi pelajar lelaki adalah lebih rendah iaitu 4.54 manakala pelajar perempuan 4.55. Manakala hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kerohanian berdasarkan jantina adalah diterima iaitu  $t(150) = 0.719$ ,  $p > 0.05$ . Oleh yang demikian, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kerohanian berdasarkan jantina. Justeru itu, hipotesis nol diterima.

#### **7.3.2 Pengujian hipotesis kedua.**

**Ho<sub>2</sub> Tidak terdapat perbezaan kemahiran generik yang signifikan dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina**

Min kemahiran generik bagi pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding pelajar perempuan iaitu 4.25 dan 4.17. Manakala hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran generik dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina adalah diterima iaitu  $t(150) = 0.255$ ,  $p > 0.05$ . Oleh yang demikian, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran generik berdasarkan jantina. Justeru itu, hipotesis nol diterima.

#### **7.3.3 Pengaruh Kerohanian Terhadap Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin**

Berdasarkan analisis kajian dapat dilihat bahawa 41.5 peratus pembolehubah kerohanian menjelaskan pengaruhnya terhadap kemahiran generik. Nilai Anova dengan menggunakan ujian F – statistic, kajian mendapati bahawa kerohanian secara signifikan mempengaruhi Kemahiran generik. Seterusnya, secara partial kerohanian berpengaruh positif terhadap kemahiran generik dengan nilai koefisien sebanyak 0.966 dan nilai t statistic sebesar 10.251 serta signifikan pada aras 1 peratus. ini memberi maksud apabila kerohanian meningkat 1 peratus maka kemahiran generik akan meningkat sebanyak 96.6 peratus.

## **8.0 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar memiliki beberapa elemen dalam kerohanian dan kemahiran generik. Elemen kepercayaan dalam kerohanian adalah paling tinggi manakala elemen nilai diri paling rendah. Bagi elemen dalam kemahiran generik pula, kemahiran keyakinan diri adalah paling tinggi dan elemen bagi kemahiran menyelesaikan masalah paling rendah. Kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kerohanian dan kemahiran generik berdasarkan jantina. Di samping itu, kerohanian juga mempengaruhi kemahiran generik para pelajar.

### **8.1 Kerohanian Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh dalam analisis deskriptif bagi mengenalpasti tahap kerohanian pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap yang tinggi dalam kerohanian iaitu 4.54 (min). Namun ia hanya bergantung pada beberapa elemen sahaja. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Rosidah Binti Jemain (2012) tentang faktor pendorong amalan kerohanian dalam kalangan pelajar IPG. Kajian ini bertujuan untuk melihat amalan-amalan kerohanian yang dilaksanakan oleh pelajar di IPG dan persepsi mereka terhadap peranan kerohanian dalam kehidupan seorang pelajar. Melalui hasil dapatan kajian beliau mendapati bahawa kerohanian pelajar juga berada pada tahap yang tinggi.

### **8.2 Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh dalam analisis deskriptif bagi mengenalpasti tahap kemahiran generik pelajar tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap yang tinggi dalam kemahiran generik iaitu 4.22 (Min).

Hasil kajian oleh Ahmad Johari Sihes dan Siti Azwanee Abdullah (2010) bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan kemahiran generik dalam pembelajaran di dalam pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga mendapati bahawa tahap kemahiran generik pelajar adalah tinggi.

### **8.3 Perbezaan kerohanian berdasarkan jantina.**

Berdasarkan dapatan kajian tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kerohanian berdasarkan jantina. Berdasarkan kajian oleh Jon Hammermeister, Matt Flint, Amani El-Alayli, Heather Ridnour, Margaret Peterson (2005) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan kerohanian berdasarkan jantina.

Selain itu, hasil dapatan dalam kajian *Gender Differences In Spiritual Well-Being: Are Females More Spiritually-Well Than Males* adalah berbeza. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan kesejahteraan kerohanian berdasarkan jantina. mungkin wujud kerana dikaitkan dengan lain-lain pembolehubah seperti kesihatan psikososial (Hammermeister & Peterson, 2001) yang terdiri daripada 435 pelajar kolej di dua kolej di Barat Laut Pasifik. Keputusan menunjukkan bahawa wanita mempunyai kesejahteraan kerohanian yang tinggi daripada lelaki. Hal ini kerana sampel dan soal selidik yang digunakan berbeza.

#### **8.4 Perbezaan Kemahiran Generik Berdasarkan Jantina**

Berdasarkan analisis statistik yang dijalankan didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan jenis kemahiran generik antara pelajar lelaki dan perempuan. Walaupun terdapat perbezaan min antara pelajar lelaki dan perempuan di mana min pelajar lelaki lebih tinggi daripada perempuan. Namun, analisis berdasarkan t-test menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Meriam Yusoff (2007) ke atas pelajar tahun dua di kolej kediaman kampus UTM di mana tidak wujud perbezaan min yang ketara dalam mengaplikasikan kemahiran generik antara lelaki dan perempuan.

Manakala dalam kajian Hubungan Antara Kemahiran Generik dengan Jantina, Pengkhususan dan Pencapaian Guru-Guru Pelatih UTM: Satu Tinjauan Oleh Megat Aman Zahiri Megat Zakaria et.al (2007) mendapati hasil kajian faktor demografi yang dikaji tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kemahiran generik guru-guru pelatih UTM.

#### **8.5 Pengaruh Kerohanian Terhadap Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.**

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperoleh, pengkaji mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kerohanian dengan kemahiran generik. Hasil dapatan ini juga disokong dalam kajian yang telah dijalankan oleh Musliha Salma Mohd Radzi, et.al (2011), melalui kajiannya yang bertajuk Menyelesaikan Masalah Pembangunan Akhlak Pelajar: Analisis Penerapan Kemahiran Generik Dalam Amalan Pendidikan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa spiritual pelajar menunjukkan pengaruh terhadap penerapan kemahiran generik ini selari dengan matlamat pendidikan iaitu melahirkan insan yang seimbang, beriman dan berakhlak mulia. Oleh itu, hasil kajian yang diperolehi ini didapati ada persamaan terhadap hubungan kerohanian dengan kemahiran generik.

### **9.0 CADANGAN**

Hasil daripada dapatan dan rumusan yang dibuat berdasarkan kajian yang dijalankan, beberapa langkah perlu diambil oleh pelbagai pihak khususnya pihak politeknik sendiri untuk menerapkan kesemua elemen kerohanian dan kemahiran generik dalam kalangan pelajar. Pendekatan yang efektif perlulah dilaksanakan bagi menerapkan semua elemen dalam kerohanian dan kemahiran generik.

Begitu juga dengan pelajar, mereka harus disedarkan dan dipupuk dengan pembangunan spiritual sebelum ke peringkat yang seterusnya kerana di peringkat ini, pelajar akan sedar tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah dan akan sentiasa mempunyai kesedaran diri untuk melakukan perkara yang makruf dan menjauhi yang mungkar. Secara tidak langsung keperluan-keperluan lain seperti kebolehan intelektual dan fizikal dapat ditingkatkan dengan mudah. Oleh itu, dengan menekankan proses pendidikan yang berteraskan pembangunan spiritual akan mampu menjadi landasan yang kukuh bagi melahirkan pelajar yang seimbang, menyeluruh dan bersepadu selari dengan matlamat pendidikan kebangsaan. Para pelajar itu sendiri juga seharusnya memainkan peranan yang penting dengan sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan dalam kerohanian dan kemahiran generik dalam diri mereka. Hal ini adalah kerana para graduan tempatan seharusnya mempunyai elemen-elemen kemahiran generik di samping cemerlang dalam bidang akademik untuk menempatkan diri serta bersaing dalam pasaran pekerjaan global pada masa kini.

## **10.0 KESIMPULAN**

Oleh hal yang demikian, kajian tentang pengaruh kerohanian dan kemahiran generik perlu diperluaskan lagi agar mendapat kesedaran daripada semua pihak terutamanya para pelajar tentang pentingnya menguasai kerohanian dan kemahiran generik sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan.

## **11.0 RUJUKAN**

- Abdul Rasid Abdul Razzaq, Jailani Md Yunos, Jamaluddin Hashim & Nurhaini Sawah (2010). Penerapan Dan Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Proses P&P Bagi Program Pengurusan Hotel Dan Katering Di Politeknik Ke Arah Keperluan Industri.
- Abdul Salam Yusof (2010). *Idea-Idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adibah Abdul Latif (2005). Perkaitan Antara Tahap Kemahiran Generik Dengan CGPA Pelajar: Kajian Kes Terhadap Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, UTM. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana.
- Ahmad Esa, Suhaili Padil & Asri Selamat (2013). Kemahiran Insaniah Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Pada Program Kejuruteraan Di Politeknik Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 3 (2) Disember 2013, ms 139-150.
- Al-Ghazali (2002). *Pedoman Orang Takwa Dari Kitab Bidayatul Hidayah* Terjemahan Haji Osman Jantan. Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd
- Al- Ghazali, Abu Hamid & Muhammad bin Ahmad. 2000. *Ihya' 'Ulum a-Din*. Tahqiq Abdul Rahim bin al-Husain al-ciraqi, al-Qahirah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*, 1st ed. McGraw Hill Sdn Bhd. Malaysia.
- Hammermeister, J., Flint, M., El-Alayli, A., Ridnour, H., & Peterson, M. (2005). Gender differences in spiritual well-being: Are females more spiritual well-being: Are females more spiritually-well than males.
- Haron Din. (1993). *Manusia dan Islam*. Jld. 1. Kuala Lumpur: Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perangkaan Tenaga Buruh. (2016). Siaran Bulanan Peangkaan Tenaga Buruh Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=c1k1S3BYRGtCWE1QdzVjRlhXa0pQQT09>
- Joseph, C. & Sailakshmi, S. (2011). Spiritual Intelligence At Work. *Journal of Social Science*, 4, 21-30
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PT) 2015-2025 (PPPM PT)*
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. #30, 607-610
- Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. (2014). Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya.
- Laporan Tahunan Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia 2011. (2012). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Putrajaya.
- Meriam Yusoff. (2007). Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar: Kajian Kes Di Salah Sebuah Kolej Kediaman Di UTM, Kampus Skudai Johor Bahru.

- Megat Aman Zahiri Megat Zakaria, Baharudin Aris, Jamaluddin Harun dan Mohd Zolkifli bin Abd Hamid. (2007). Hubungan antara kemahiran generik dengan jantina, pengkhususan dan pencapaian guru-guru pelatih UTM: satu tinjauan. Prosiding Seminar Penyelidikan IPG Batu Lintang, 1, 223-229.
- Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Morliyati bt Mohammad (2010). Pembentukan Model Kerohanian, Kesejahteraan dan Kualiti Hidup di Besut dan Kuala Terengganu. Tesis Sarjana Sains Universiti Malaysia Terengganu, (UMT)
- Musliha Salma Mohd Radzi, Rohana Hamzah & Amimudin Udin. (2011). Menyelesaikan Masalah Pembangunan Akhlak Pelajar: Analisis Penerapan Kemahiran Generik Dalam Amalan Pendidikan. *Journal of Edupres*, 1, 223-229.
- Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Hasril Amiruddin, Noorazman Abd Samad Dan Norasmah Othman. (2015). An Investigation Effects Of Mastery Learning Strategy On Entrepreneurship Knowledge Acquisition Among Aboriginal Students. *Procedia Social And Behavioral Science* 204, 183-90
- Mohammad Shatar Sabran. 2005. *Tujuh Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Morliyati Mohammad (2010). Pembentukan Model Kerohanian, Kesejahteraan dan Kualiti Hidup di Besut dan Kuala Terengganu. Tesis Sarjana Sains Universiti Malaysia Terengganu, (UMT).
- Neff, J.A (2006). Exploring the Dimensionality of Religiosity and Spirituality in the Fetzer Multidimensional Measure". *Journal for the Scientific Study of Religion*, 45 (3): 449-459
- Norzailawati Mohd Noor, Mohamed Sharif Mustafa, Firdausi Razalia dan Meriam Yusoff. (2008). Kemahiran Generik Dikalangan Pelajar IPT: Satu Kajian Tahap Keyakinan Merentas Jantina, UTM.
- Quek.2005. Learning for The Workplace: A Case Study in Graduate Employees Generic Competencies. *Journal of Workplace Learning*. 17. 231-242.
- Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin & Zulkiflee Haron. (2012). *Kemahiran Generik Menurut Perspektif Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rashidi Abbas. (2008). *Kemahiran Insaniah Meneroka Metodologi Rasulullah S.A.W*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- R. Oliver, A. Omari, dan C. McLoughlin, Planning and developing a problem-based learning environment for large on-campus classes using the WWW. In G. Cumming, T. Okamoto and L. Gomez (eds.) *Advanced Research in Computers and Communications in Education*. Proceedings of ICCE99. Amsterdam: IOS Press, 720-727, 1999
- Revel, Lynn. 2008. Spiritual Development In Public And Religious Schools: A Case Study. *Religious Education*, 103: 102-118.
- Saedah Siraj, Farazila Yusof, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh, Ahmad Arifin Sapar Dan Azmi Omar. (2016). Elemen Nilai Berasaskan Hubungan: Suatu Kajian Terhadap Keperluan Pelajar Kejuruteraan Yang Mengikuti Pengajian Berasaskan Work-Based Learning (WBL) Politeknik Malaysia.

- Salleh Amat & Zuria Mahmud. (2009). Hubungan Antara Ketegasan Diri Dan Kepuasan Hidup Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 2, 49-65
- Seri Bunian Mokhtar, (2012). Faktor Persekitaran Pembelajaran, Pendekatan Pembelajaran Dan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Politeknik. Thesis Phd: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori dan Praktis*: Sebuah Buku Mesra Pengguna, 1st ed. Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor.
- Siti Rahayah Ariffin, Rodiah Idris dan Noriah Mohd Ishak (2009). Pengaruh Kemahiran Generik Dalam Kemahiran Pemikiran Kritikal, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wong Ym, Rosnidar Mansor, Syakirah Samsudin. (2015). The Use Of Critical Reflection Manual In Writing Reflective Journal: A Case Study Of Malaysian Student Teacher's Perceptions. *GEOGRAFIA- Malaysian Journal Of Society And Space* 12(1), 8-18.
- Yahya Buntat Dan Muhamad Shahabudin Hassan. (2010). Kemahiran Komunikasi Dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar. Satu Tinjauan Di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Latihan Ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yasin, M. (2010). Ucapan Timbalan Perdana Menteri Sempena Majlis Pelancaran Transformasi Politeknik Pada 25 Januari 2010. Putrajaya, Malaysia: Jabatan Pengajian Politeknik KPT.
- Zainudin Hassan, Hamdan Said, Jamilah Omar & Haslita Hassan. (2006). Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Daerah Kota Bahru, Kelantan. Kajian Ilmiah Tidak Diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.